

13/01/2003

Pemikiran Perdana Menteri dalam setiap puisinya

Muhammad Saiful Haq Hussin

PUISI adalah cermin hakikat pengalaman penulis dalam ruang lingkungan sosiobudaya hidupnya. Sebagai ciptaan seni puisi membawa kreativiti penulis dalam menggarap idea melalui bahasa, imaginasi, emosi, pemikiran dan akal budi sehingga tersimpul dalam estetika yang tinggi nilainya sehingga sentiasa evergreen.

Tiga puisi Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad, iaitu Perjuangan Yang Belum Selesai, Melayu Mudah Lupa dan Menghadapi Cabaran Menatang Bangsa, nyata mempunyai unsur itu dan digarap secara bijaksana bagi mencapai nilai estetika yang tinggi.

Penggunaan bahasa yang bersahaja dan berterus terang sebagaimana dalam ucapannya begitu telus dan jelas berjaya mengungkapkan pernyataan diri, pemikiran dan perasaannya sekaligus melahirkan falsafah yang ingin disampaikan. Pernyataan ini berjaya dibina melalui pemilihan dan penggunaan diksi yang tidak secara sengaja merumitkan pemikiran khalayak.

Perjuangan Yang Belum Selesai pertama kali dideklamasikan di PWTC membawa gagasan perjuangan mendaulatkan bangsa dan negara yang tidak akan berakhir. Memang perjuangan menegakkan bangsa, negara dan agama adalah suatu perjuangan berterusan namun hal ini tidak disedari banyak orang, tambah mendukacitakan lagi ialah ketidaksedaran itu menimbulkan pula halangannya dalam bentuk yang pelbagai.

Dr Mahathir memulakan sajaknya dengan pernyataan kesedihan dari sejarah masa lalu melihat bangsanya: Sesungguhnya tidak ada yang lebih menyayat dari melihat bangsaku dijajah. Idea itu dikembangkan melalui catatan jasa pemimpin lalu menegakkan kemuliaan dan darjat bangsa. Dr Mahathir menasihatkan agar perjuangan itu diharung secara yakin, cermat dan berhati-hati. Namun mengikutnya lagi, betapa sukarnya perjuangan mencapai kemerdekaan, perjuangan mengisi kemerdekaan lebih lagi berat cabarannya.

Tugas kita bukan kecil
kerana mengisi kemerdekaan
rupanya lebih sukar dari
bermandi keringat dan darah menuntutnya.

Tugas mengisi kemerdekaan sedemikian besarnya kerana ketidaksanggupannya melihat bangsanya di negara yang sudah merdeka tetapi masih memintaminta.

Dr Mahathir menggunakan sejarah lalu, ini adalah sesuatu yang wajar untuk

menyedarkan bangsanya supaya menerobos masa depan.

Bangsaku bukan kecil hati dan jiwanya
Bukankah sejak zaman berzaman
Mereka menjadi pelaut, pengembara
Malah penakluk terkemuka?

Sejarah tidak dapat dikelirukan kerana faktanya jelas. Tapi Mahathir

tidak menjawab persoalan itu dengan jawapan yang langsung sebaliknya membiarkan ia sebagai pertanyaan yang nanti dijawab sendiri oleh yang membacanya, dan yang mengetahui sejarah bangsanya. Ini adalah suatu teknik

retorika yang amat berjaya.

Bukankah mereka sudah mengembangkan sayap
menjadi pedagang dan peniaga
selain menjadi ulama dan ilmuan terbilang?

Malaysia telah mencapai banyak kejayaan dalam banyak bidang. Kejayaan itu bagaimana pun masih belum memuaskan hati Dr Mahathir yang sentiasa inginkan kecemerlangan. Walaupun banyak kejayaan dicapai, Dr Mahathir masih melihat psikologi bangsanya yang lemah:

Di manakah silapnya hingga bangsaku berasa begitu kecil dan rendah diri?

Persoalan itu dijawab oleh Dr Mahathir secara tegas: Perjuangan kita belum selesai. Jawapan yang memerlukan perjuangan yang terus menerus, tidak saja untuk mengisi kemerdekaan, tetapi yang sama pentingnya ialah mempertahankan kemerdekaan itu sendiri.

Puisi keduanya berjudul Melayu Mudah Lupa yang tidak sedikit menimbulkan kontroversi di kalangan tertentu oleh kerana judulnya, dan beberapa kata yang tidak disenangi mereka seperti misalnya kata "haprak" yang oleh pihak tertentu sengaja pula diputar belitkan.

Kalau puisi pertamanya agak lembut, dan nostalgik, puisi kedua Dr Mahathir tidak lagi bernada lembut. Nada nostalgianya bertukar kepada nada yang lebih tinggi dan mengandung rasa kesal yang tak dapat lagi dibendung.

Selepas Perjuangan Yang Belum Selesai yang sewajibnya disambung dengan lebih berani dan tegas, dalam waktu hendak menyambung perjuangan yang belum selesai itu Dr Mahathir sedar rupanya bangsanya mudah lupa.

Mahathir melihat bangsanya belum dapat menyelami hakikat dan tuntutan kehidupan bernegara, lalu diperingatkan agar bangkit dari kelenaan dan tanamlah kesedaran: Jangan mudah lupa; Ungkapan yang perlu dihayati bagi melahirkan bangsa yang kuat dan bertamadun, sekali gus berdayasaing.

Semua ini terungkap melalui kesinambungan daripada sajak terdahulu, bahawa kerana perjuangan belum selesai maka marilah sama menyedari dan menginsafi nasib bangsa yang masih lagi alpa dengan fungsi dan peranannya, juga masih alpa sebagai khalifah Allah dengan tugas dan tanggungjawab memakmurkan bumi Tuhan ini.

Puisinya Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa jelas dari segi ideanya adalah kesinambungan dua puisi terdahulu. Dr Mahathir tetap berharap bangsanya dapat sama berusaha dan menggembelng tenaga dalam menghadapi masa depan penuh cabaran, yang pasti datangnya.

Zaman baru pasti tiba
Pantas, mencabar dan tidak terduga
Nasib bangsa di mana?
Agama mana mercunya?
Tanah ini bakal milik siapa?

Persoalan berat yang dikemukakannya itu perlu dijawab dengan akal waras oleh setiap orang Melayu khususnya dan amnya rakyat Malaysia. Kealpaan menghadapi masa depan akan menyebabkan suatu hari nanti orang Melayu

akan

bertanya:

Mana tongkatku?

Mana kailku?

Mana emas untuk ku?

Mana hak, mana demokrasi?

Pertanyaan itu suatu hari nanti tidak ada yang menjawabnya. Justeru itu

Dr Mahathir berseru bangsanya: Berdirilah bangsaku, berdirilah! Kerana hanya dengan berdiri usaha dapat dilakukan sehingga tidak perlu lagi kita

bertanya mengenai tongkat dan kail, mengenai hak dan demokrasi kerana soalan itu kitalah sendiri yang menjawabnya. Maka persediaannya harus dimulakan lama sebelum kini.

Tidak ada suatu apapun yang bakal diperolehi jika tidak berusaha dengan

sedaya upaya. "Tuhan tidak menolong mereka bagi mereka yang tidak menolong

diri sendiri." Berusahalah dan selepas itu berdoa. Hanya dengan begitu seseorang atau masyarakat dapat mengharung segala dugaan dan gelombang hidup.

Puisi Menghadapi cabaran Menatang bangsa jelas seperti menjadi kesimpulan kepada dua puisinya terdahulu. Bahawa untuk menjadi bangsa yang

berjaya, yang dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain yang maju, banyak usaha yang mesti dilakukan.

Sebab yang bulat pun tidak datang bergolek. Demikian yang pipih pun tidak datang melayang. Malah kalau kita tidak bersedia jika yang bulat datang bergolek pun ia akan disambar oleh orang lain.

Sebagai individu, rakyat dan warga negara sebuah negara kita harus bersedia dalam semua bidang kehidupan kalau kita ingin berjaya.

Kita harus membina tongkat, memegang kail, mempunyai emas dan tahu serta sedar hak kita sebagai individu, sebagai rakyat dan bangsa yang merdeka.